

HARI : _____

RABU

TARIKH : _____

3/7/2019

M/SURAT : _____

4

Pelaksanaan subsidi petrol bersasar dalam fasa akhir

PUTRAJAYA 2 Julai – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam fasa akhir penyediaan kertas cadangan pelaksanaan subsidi bersasar petrol RON95 yang dijangka dibentangkan dalam mesyuarat arat Kabinet, bulan ini.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, perkara berkaitan kerangka, mekanisme dan kaedah pelaksanaan telah dimuktamadkan bersama Kementerian Kewangan dalam satu mesyuarat pada Rabu lalu dan sedia dilaksanakan tahun ini setelah mendapat persetujuan Kabinet.

“Mekanisme dan perkara berkaitan telah dibincangkan dengan Kementerian Kewangan dan akan mengambil masa seminggu dua lagi untuk dibentangkan kerana perlu mendapatkan komen daripada kementerian lain yang terbabit.

“Selesai sahaja (kertas cadangan) kita akan bentangkan kepada Kabinet untuk dibincangkan seterusnya jika dipersejui, maka kita berhasrat untuk melaksanakannya tahun ini juga,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar sempena ulang tahun pertama beliau sebagai Menteri KPDNHEP, di sini hari ini.

Mengulas lanjut Saifuddin Nasution berkata, antara kaedah pelaksanaan yang diambil kira termasuk mengenal pasti data yang akan digunakan, implikasi kewangan yang perlu ditanggung Kementerian Kewangan, strategi komunikasi serta pemilikan jenis kenderaan.

Sebelum ini media mel-

aporkan, kerajaan dijangka akan menggunakan mekanisme baru bagi mengantikan cadangan penggunaan kad subsidi.

Sementara itu dalam perkembangan lain, beliau memaklumkan KPDNHEP akan memiliki data raya sendiri pada tahun hadapan yang mengandungi lebih 40,000 jenis barang pengguna.

Katanya, beberapa pegawai kementerian tersebut sedang menjalani latihan selama tiga bulan bagi memiliki kemahiran membangunkan data raya mengikut acuan kementerian itu.

“Dengan data tersebut, kementerian boleh membuat jangkaan terhadap paten dan potensi turun naik sesuatu barang mengikut kawasan, daerah dan negeri serta musim tertentu.

“Maklumat daripada data itu juga akan dijadikan panduan untuk kementerian memperkenalkan program dan dasar tertentu berkaitan kepenggunaan pada masa akan datang,” katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau yang juga Setiausaha Agung PKR mempersoalkan tindakan Timbalan Presiden PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man yang menggunakan hadis untuk menolak usul pengisyiharan harta kerana berlawanan dengan pendirian parti itu sebelum ini.

Menurutnya, Tuan Ibrahim yang juga Ahli Parlimen Kubang Kerian pada 2015 pernah mencabar bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri untuk mengisyiharkan harta.